

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(I)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB. LEE KHAI LOON**

19. Nyatakan perbelanjaan Kerajaan Negeri bagi portfolio komunikasi kerajaan seperti Buletin Mutiara sejak 2013.
- (a) Terdapat pertindihan portfolio penerangan apabila Pakatan Harapan ambil alih Kerajaan Pusat. Apakah rancangan Kerajaan Negeri akan membuat rombakan terhadap portfolio penerangan negeri?
- (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat dengan kos yang terendah?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

19. (a) Perbelanjaan Kerajaan Negeri bagi Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Komunikasi dari tahun 2013 sehingga 30 Jun 2018 adalah seperti berikut :

| Tahun | Perbelanjaan (RM) |
|-------|-------------------|
| 2013 | 9,035,056.48 |
| 2014 | 9,170,046.30 |
| 2015 | 9,613,222.40 |
| 2016 | 9,577,092.00 |
| 2017 | 9,605,448.00 |
| 2018 | 4,883,710.20 |

- (b) Secara umumnya, tidak berlaku sebarang pertindihan tugas di dalam Jawatankuasa MMK Komunikasi walaupun Pakatan Harapan telah mengambil alih Kerajaan Pusat. Bidang tugas Jabatan Penerangan adalah membuat liputan di peringkat nasional dan juga upacara-upacara utama Negeri dan Persekutuan. Sebaliknya, bagi Jawatankuasa MMK Komunikasi, ia adalah tertumpu kepada komunikasi di peringkat Negeri Pulau Pinang secara menyeluruh seperti :
- (i) Memfokuskan kepada polisi-polisi Kerajaan Negeri Pulau Pinang;
 - (ii) Liputan terhadap Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli-ahli Parlimen (MP), Ahli-ahli Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPSP); dan
 - (iii) Program-program yang dijalankan Pihak Berkuasa Tempatan, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK), jabatan-jabatan Kerajaan Negeri serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Ini secara tidak langsung membantu mempromosikan produk keusahawanan dan pelancongan tempatan selain berita-berita komuniti yang dijalankan pemimpin-pemimpin serta pihak-pihak setempat.

Sebarang rombakan lanjut (sekiranya perlu) akan berdasarkan pengumuman lanjut oleh pihak Kementerian. Tidak dinafikan bahawa kedua-dua pihak iaitu jabatan Negeri dan Persekutuan dapat bekerjasama sekiranya perlu atau diarahkan mengikut kepakaran penugasan masing-masing. Gabungan kedua-dua pihak berkaitan bakal memantapkan lagi saluran komunikasi serta penyebaran maklumat yang lebih berkesan kepada masyarakat umum di negeri Pulau Pinang.

- (c) Kerajaan Negeri berusaha menyalurkan maklumat kepada rakyat dengan kos yang terendah menerusi laman sosial seperti *Whatsapp, Facebook, Instagram, Twitter dan YouTube*

yang mana mampu memuat naik pelbagai maklumat seperti video, poster serta lain-lain medium untuk penyebaran maklumat di kalangan rakyat.